



JUN HOONG bersama replika cek yang diterima daripada UPM semalam selepas muncul juara pada Kejohanan Terjun Dunia di Budapest, Hungary Julai lalu.

Sesi latihan skuad terjun negara sesuai di China – Jun Hoong

RATU terjun negara, Cheong Jun Hoong berpendapat latihan persediaan ke Sukan Komanwel Gold Coast, Australia pada April depan, lebih sesuai diadakan di China, berbanding Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Juara dunia bagi acara 10 meter (m) platform itu berkata, ini kerana latihan dan pemulihian di Guangzhou lebih konsisten, selain peralatan dan kemudahan di kolam renang yang lebih lengkap, berbanding di Kuala Lumpur.

“Selain itu, latihan di China lebih fokus kerana tidak ada banyak gangguan. Bagaimanapun, buat masa ini kami sedang menjalani latihan di Bukit Jalil, belum ada perancangan mengenai latihan di luar negara bagi Sukan Komanwel dan Sukan Asia Jakarta pada Ogos 2018.

“Apa pun, saya akan ikut perancangan jurulatih Yang Zhuliang, kerana beliau lebih tahu mengenai keperluan latihan,” katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian insentif kecemerlangan atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) di Bangi semalam.

Sementara itu, atlet berusia 27 tahun berasal dari Perak tersebut menjelaskan, buat masa ini belum meletakkan sebarang sasaran untuk Kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur bermula 26 hingga 29 Oktober depan kerana masih dibelenggu kecederaan belakang yang berlanjutan sejak April lalu.

“Tiada sebarang sasaran kerana buat masa ini saya perlu pastikan boleh beraksi pada kejohanan itu. Selepas Sukan SEA, kami rehat sekejap sahaja, selepas itu sudah mula latihan bagi memberi fokus kepada *conditioning* dan *strengthening*,” katanya yang menjadi penerjun pertama Malaysia yang muncul juara dunia selepas meraih emas Kejohanan Dunia di Budapest, Hungary pada Julai lalu.

Pelajar Bachelor Komunikasi yang meraih pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 itu, terdahulu menerima insentif wang tunai sebanyak RM10,700 dan geran mobiliti RM10,000 atas kejayaan meraih gelaran dunia, pingat gangsa Piala Asia dan emas Sukan SEA. – Bernama